

7 IDEA USAHAWAN DIGITAL

Oleh: Mohd Faizal Abd Rahman (Kolej Komuniti Pasir Gudang) dan Suhana Mohamed (UiTM Pasir Gudang)

Peningkatan kelajuan jalur lebar dan kadar penembusan dunia digital menjadikan perniagaan secara *online* sebagai perniagaan paling popular dalam kalangan usahawan yang baru menceburkan diri dalam dunia perniagaan. Ini termasuklah dalam kalangan para pelajar kolej dan universiti. Kemahiran bersosial di alam maya ditambah penggunaan teknologi telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk memajukan perniagaan yang dijalankan.

Trend pelajar menjalankan perniagaan secara atas talian telah membuka mata masyarakat bahawa kuasa perniagaan digital bukan sahaja tertumpu kepada mereka yang telah bergelar usahawan, namun ianya juga telah memberi peluang kepada pelajar yang ingin bergelar usahawan sebelum menamatkan pengajian.

Berikut merupakan perniagaan yang berpotensi dijalankan oleh para pelajar:

* FREELANCE

Sekiranya anda mahir dalam menyusun ayat, membuat *copywriting*, mengambil gambar, membuat suntingan gambar, boleh melukis, mengarah video atau mengendalikan peralatan elektronik, maka anda mungkin sesuai untuk menjalankan perniagaan secara *freelance*. Anda boleh menggunakan kemudahan media sosial untuk mempromosikan perniagaan anda.

* GURU TUTOR ATAS TALIAN

Sekiranya anda merupakan seorang yang suka berkongsi pengalaman dan ilmu serta kemahiran yang anda ada, anda mungkin sesuai untuk menjalankan perniagaan sebagai guru tutor secara atas talian.

* PERMAINAN STREAMING

Kini permainan *streaming* menjadi kegilaan dalam kalangan peminat permainan *streaming* seluruh dunia. Tahukah anda bahawa kemahiran dalam permainan atas talian dapat menjana pendapatan yang lumayan? Majalah *Forbes* menyenaraikan Tyler, 26 tahun, sebagai pemain *streaming* paling berjaya. Tyler mempunyai lebih daripada 200,000 pengikut di laman *Twitch* dan berjaya memperolehi sekurang-kurangnya RM2.7 juta sebulan hasil langganan pengikutnya di laman *Twitch*. *Twitch* merupakan platform paling popular bagi pemain permainan *streaming* di seluruh dunia. Pendapatan yang diperolehi adalah berdasarkan langganan berbayar dan juga derma daripada penonton. Apa yang perlu dilakukan ialah mempamerkan kemahiran di dalam permainan tersebut. Mudah bukan?.

* VIDEO BLOGGING

Video Blogging atau lebih dikenali sebagai *Vlog* semakin popular. Ramai usahawan yang lahir daripada *Vlog*. Mereka menjadi semakin terkenal dan mendapat pendapatan yang lumayan hasil daripada iktikaf mahupun *endorsement* daripada pelanggan mereka. Apa yang menjadikan *Vlog* semakin popular ialah kemampuannya media sosial seperti *Facebook* dan juga *Instagram* yang telah membenarkan video dimuatnaik melaluinya.

* BLOGGING

Ramai penulis yang membuat penulisan mereka diblog peribadi yang ditulis secara teratur dan mempunyai ciri telucon tertentu. Ia merupakan satu permulaan untuk penulisan yang lebih besar. Berkemungkinan bakal mempunyai satu ruangan di dalam sebuah majalah yang terkemuka malah ada juga buku yang diterbitkan berdasarkan catatan dalam blog penulis. Tidak kurang juga ada penulis blog yang berjaya memiliki perniagaan sendiri. Ramai yang sudah membuktikan bahawa penulisan diblog boleh mendatangkan hasil. Malah, andainya hasil penulisan itu bernilai tinggi dan bermanfaat, akan ada pihak ketiga yang bakal menerbitkan penulisan blog menjadi sebuah buku.

* PERNIAGAAN SECARA AFFILIATE

Perniagaan secara *e-commerce* kini lebih menarik minat ramai orang kerana ianya tidak memerlukan modal yang besar. Secara ringkasnya, program *affiliate* merupakan salah satu teknik pemasaran dan pengiklanan produk di internet. Anda merupakan ejen (orang tengah) yang perlu membuat promosi produk atau perkhidmatan orang lain melalui pelbagai medium antaranya pautan laman sesawang, brosur dan sebagainya. Kebiasaannya kesemua medium promosi itu diberikan percuma oleh pemilik produk. Tugasnya amat mudah iaitu hanya perlu mempromosikan produk atau perkhidmatan sahaja.

* PERNIAGAAN SECARA DROP SHIPPING

Antara gaya perniagaan yang popular ialah kaedah *dropship*. Ramai yang telah berjaya memperoleh pendapatan yang lumayan dengan menyertai program *dropshipping*. Melalui kaedah ini, anda akan bertindak sebagai ejen kepada pemilik produk untuk menjual produk mereka. Ada pelbagai kaedah yang digunakan untuk menjalankan perniagaan *dropship*. Antaranya adalah kaedah *pre-order* atau bukan secara *pre-order*.

Pun begitu, kesemua 7 jenis perniagaan ini mempunyai pelbagai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Namun kesemuanya ini akan dikupas dalam artikel akan datang. Selamat membaca dan menceburkan diri dalam perniagaan dunia digital.

Langkah Mudah Menjadi Usahawan Hebat Dalam Masa Singkat

Oleh: Noorazlina Ahmad (UiTM Cawangan Terengganu)

Berikut adalah lapan langkah untuk menjadi usahawan hebat dalam masa sekurang-kurangnya tiga bulan:

1. Kenal pasti kekuatan diri.
2. Pilih kekuatan diri yang boleh diketengahkan ke dalam pasaran.
3. Gunakan sumber kewangan (modal) yang ada di tangan dan elakkan pinjaman dari institusi kewangan.
4. Lebihkan berfikir, merancang, timba ilmu dan maklumat di internet.
5. Tetapkan matlamat perniagaan dan strategi yang mudah dilaksanakan. Jangan "over planning"!
6. Mulakan usaha perniagaan dan laksanakan tindakan.
7. Gunakan teknik pemasaran yang sedia ada kita ketahui, jimat kos dan cekap.
8. Rekodkan setiap urusaniaga, aliran keluar masuk duit dan stok (jika ada).

